



**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN
PENGAWAL DATA
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)**


Versi Dokumen: v1.2

Dikemas kini pada: 06 Ogos 2026

Maklumat Pindaan

Pindaan			Muka surat/ klausu/ perenggan	Butiran Pindaan
No	Tarikh	Versi dokumen		
1.	26.08.2025	v1.0	-	Dokumen diwujudkan.
2.	01.10.2025	v1.1	Muka surat 2 & 3	Kandungan Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran ditambah dan dikemaskini.
3.	06.08.2026	v1.2	Muka surat 3 & 4	Kandungan Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran Pengawal Data dikemaskini.

PANDUAN PEMBATALAN PERMOHONAN



1. Panduan Umum

- 1.1. Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran boleh dikemukakan pada bila-bila masa sepanjang tempoh sijil masih aktif.
- 1.2. Pemohon juga boleh memohon pembatalan semasa mengemukakan permohonan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran dengan disertakan sebab dan dokumen sokongan yang lengkap.
- 1.3. Permohonan yang lengkap akan disemak dan dipertimbangkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
- 1.4. Pemohon akan menerima emel pemakluman status permohonan melalui emel yang didaftarkan.

2. Log Masuk Akaun

- 2.1. Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- 2.2. Klik “Log Masuk” di penjurukan kanan atas laman SPDP.
- 2.3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan. Seterusnya, Klik butang “Log Masuk”.



Rajah 2.1


- 2.4. Sekiranya pemohon tidak mengetahui kata laluan, sila rujuk [Panduan Tetapan Semula Kata Laluan](#).

3. Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran

- 3.1. Klik “Pembatalan” yang terdapat di Senarai Perakuan Pendaftaran seperti di dalam rajah 2.2 di bawah.



Rajah 2.2



Permohonan Pembatalan

Perhatian

Permohonan Pembatalan perakuan pendaftaran ini kerana pegawai data telah berhenti menjalankan pemprosesan data peribadi

Alasan Pembatalan

Fail Dokumen PDF

PILIH FAIL

TUTUP HANTAR

Rajah 2.3

- 3.2. Nyatakan alasan yang jelas dan munasabah bagi permohonan pembatalan seperti penamatan operasi perniagaan, perubahan jenis perniagaan, atau sebab lain yang relevan.
- 3.3. Sertakan dokumen sokongan yang berkaitan bagi mengesahkan alasan pembatalan.
- 3.4. Contoh dokumen sokongan:
 - a. Surat penamatan perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - b. Bukti perubahan jenis perniagaan atau pemilikan.
 - c. Surat rasmi permohonan pembatalan lesen atau perakuan yang dikeluarkan oleh badan kawal selia pengawal data.